



**NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA**  
**IKMa/BIL.07/2026**

**(1)**

**PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN  
PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026  
(PEMASARAN DIGITAL KOPERASI) BAGI 30  
KOPERASI SELURUH MALAYSIA**

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/BIL.07/2026



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)  
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
(KUSKOP)

**KENYATAAN  
SEBUTHARGA**

<b>NOMBOR SEBUTHARGA</b>	:	<b>IKMa/BIL.07/2026</b>
<b>BUTIRAN-BUTIRAN SEBUTHARGA</b>	:	<b>PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026 (PEMASARAN DIGITAL KOPERASI) BAGI 30 KOPERASI SELURUH MALAYSIA</b>
<b>KELAYAKAN PENYEBUTHARGA</b>	:	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) YANG MASIH SAH LAKU DI BAWAH KOD BIDANG:  <b>221110 – Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator / Negotiator</b>  BERDAFTAR SEBAGAI KONTRAKTOR BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN MASIH SAH LAKU
<b>TARIKH IKLAN DAN WAKTU DOKUMEN DIEDAR</b>	:	<b>15 JUN 2026 (ISNIN)</b>
<b>BUTIR-BUTIR TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN LAWATAN TAPAK</b>	:	<b>TIDAK BERKENAAN</b>
<b>TARIKH DAN WAKTU TAWARAN SEBUTHARGA DITUTUP</b>	:	<b>19 JUN 2026 (JUMAAT) WAKTU JAM 12.00 TENGAH HARI</b>

## NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/BIL.07/2026

Nota:

1. Dokumen Sebutharga berkaitan pelanjutan tempoh pengiklanan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) [www.ikma.edu.my](http://www.ikma.edu.my) mulai 15 Jun 2026 (Isnin).
2. Setiap dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat saiz A3 atau A4 dan **wajib** menulis di sudut atas kiri muka hadapan sampul surat tersebut dengan nombor sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di:-

### Peti Sebutharga

Tingkat 1, Depan Unit Kewangan Dan Perolehan (UKP),  
Institut Koperasi Malaysia (IKMa),  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

4. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dan tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
5. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. Keputusan IKMa adalah muktamad.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Unit/Sektor/Zon/Cawangan	No Telefon
Puan Rina Fairuz Binti Jahya	Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP)	03-86891909

**(2)**

**LAMPIRAN Q**

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

No. Sebutharga IKMa/BIL.07/2026

**KERAJAAN MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....  
.....

No. Telefon: .....

No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia :

.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini:

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh  
Kementerian/Jabatan :

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**

**103 Jalan Templer,**

**46700 Petaling Jaya,**

**Selangor Darul Ehsan**

No. telefon: **03-79649000**

Tarikh: **15 Jun 2026 (Isnin)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebutharga.
  - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki .....
  - 1.3 Arahan pengiriman **Dokumen Serahan Tangan Sahaja**
  - 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.07/2026**
  - 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 Tengah Hari Pada 19 Jun 2026 (Jumaat)**
  - 1.6 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **15 Jun 2026 (Isnin)**

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: .....

Jawatan: .....

  
**SHAMSURI BIN SALLEH**  
Pegawai Kewangan Dan Pembangunan  
**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Tel: 03-7964 9175 Fax: 03-7964 8904

Bil.	Perihal bekal/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
IKMa/BIL.07 /2026	Perolehan Pakej Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (Tunas) 2026 (Pemasaran Digital Koperasi ) Bagi 30 Koperasi Seluruh Malaysia				
				HARGA BERSIH TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekal/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:

Penyebut Harga: .....

Tarikh:.....

Nama dan K/P: .....

Alamat Syarikat: .....

**Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

### **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

## **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

## **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

## **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai .  
adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**(3)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**-LAMPIRAN F-**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Perolehan Pakej Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (Tunas)  
2026 (Pemasaran Digital Koperasi ) Bagi 30 Koperasi Seluruh Malaysia**

**SEBUTHARGA: IKMa/BIL.07/2026**

1. Saya,.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenalan.....mewakili..... (NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**(4)**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN**

**SEBUT HARGA**

**(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)**



**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI  /  DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia <b>(masih tempoh sah laku)</b> (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia <b>(masih tempoh sah laku)</b> (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Seperti di bawah <b>(masih tempoh sah laku)</b>		
	Kontraktor Bumiputera		
	Kontraktor Bukan Bumiputera		
	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)  221110 – Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator / Negotiator		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang Sah Dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (jika berkaitan)		
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
6.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
7.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
9.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia <b>(masih tempoh sah laku)</b>		

10.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
11.	Salinan Profail Syarikat		
12.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p><b>Tandatangan :</b></p> <p><b>Nama :</b></p> <p><b>Jawatan :</b></p> <p><b>Tarikh :</b></p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p><b>Tandatangan :</b></p> <p><b>Nama :</b></p> <p><b>Jawatan :</b></p> <p><b>Tarikh :</b></p> <p><b>Tandatangan :</b></p> <p><b>Nama :</b></p> <p><b>Jawatan :</b></p> <p><b>Tarikh :</b></p>

**(5)**

**DOKUMEN SEBUTHARGA  
BAHAGIAN A – ARAHAN AM**



## **BAHAGIAN A ARAHAN AM**

---

### **DOKUMEN SEBUTHARGA**

# **PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026 (PEMASARAN DIGITAL KOPERASI) BAGI 30 KOPERASI SELURUH MALAYSIA**

Nombor Sebutharga :IKMa/BIL.07/2026

#### **DISEDIAKAN OLEH:**

**PUSAT PENGURUSAN PERNIAGAAN (PPP)  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA,  
NO 103, JALAN TEMPLER,  
46700 PETALING JAYA,  
SELANGOR D.E.**

## **ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA**

Kerja-kerja di dalam sebutharga ini ialah untuk **PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026 (PEMASARAN DIGITAL KOPERASI) BAGI 30 KOPERASI SELURUH MALAYSIA**

1. Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan dokumen sebutharga adalah lengkap pada semua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan, adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga untuk mendapatkan penjelasan daripada Pegawai yang menguruskan sebutharga, Unit Kewangan Dan Perolehan, IKMa.
3. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan sebutharga **mengikut format maklumbalas yang telah dilampirkan.**
4. Sebutharga ini termasuk kerja-kerja penyediaan peralatan, tenaga kerja mahir dan mencukupi serta perkara-perkara yang berkaitan.
5. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. Keputusan IKMa adalah muktamad.
6. Penyebutharga adalah bertanggungjawab ke atas segala kerugian, kerosakan atau kecacatan yang disebabkan oleh kelalaian pihak penyebutharga itu sendiri.
7. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, cukai dan kos tambahan yang berkaitan.
8. Sebutharga yang telah siap diisi/disempurnakan hendaklah dihantar ke alamat yang diberikan pada atau sebelum tarikh yang telah dinyatakan.
9. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki **menghubungi pihak IKMa terlebih dahulu** sebelum menjalankan kerja-kerja tersebut.

10. Maklumat sebutharga seperti berikut:

Tempoh Kerja	: 3 Bulan
Tarikh Buka Sebutharga	: 15 Jun 2026 (Isnin)
Tarikh Tutup Sebutharga	: 19 Jun 2026 (Jumaat) (Pada atau <b>sebelum 12.00 tengahari</b> )
Tempat	: Peti Sebutharga, Tingkat 1, Depan Unit Kewangan & Perolehan (UKP), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), 103 Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

# **PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026 (PEMASARAN DIGITAL KOPERASI) BAGI 30 KOPERASI SELURUH MALAYSIA**

## **1. ARAHAN AM**

1.0 Sebutharga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang boleh memberi khidmat tenaga pengajar, bimbingan, latihan dan material bagi **PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026 (PEMASARAN DIGITAL KOPERASI) BAGI 30 KOPERASI SELURUH MALAYSIA** yang telah dipilih oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

1.1 Penyebutharga yang mengemukakan sebutharga adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini dan kontrak. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebutharga yang tidak mengikut syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

## **2. KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUTHARGA**

2.1 Tawaran dipelawa kepada penyebutharga-penyebutharga berikut :-

- i. Berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah laku di bawah kod bidang:

**221110 – Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator /  
Negotiator.**

- ii. Berdaftar sebagai **Kontraktor Bumiputera / Bukan Bumiputera** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan masih sah laku.

2.2 IKMa berhak untuk membatalkan perlantikan syarikat sekiranya perkhidmatan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/tawaran yang dipersetujui seperti di dalam dokumen sebutharga.

### 3. BORANG SEBUTHARGA

- 3.1 Penyebutharga perlu menandatangani **Borang Akuan Sebutharga** seperti yang dilampirkan pada **Lampiran Q** bagi mengesahkan tawaran sebutharga.
- 3.2 Penyebutharga perlu mengisi **Jadual Harga di Bahagian B** dengan lengkap dengan harga tawaran hendaklah **harga bersih termasuk semua diskaun, cukai dan kos tambahan yang berkaitan**.

### 4. PENYERAHAN SEBUTHARGA.

- 4.1 Dokumen sebutharga perlu dikemukakan seperti format maklumbalas yang dinyatakan serta memenuhi semua keperluannya.
- 4.2 Sila catat **TAJUK SEBUT HARGA** di sebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Pihak IKMa berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.
- 4.3 Dokumen sebutharga hendaklah dialamatkan (dengan dimasukkan pada peti yang disediakan) kepada :-

**Ketua Pengarah**  
Institut Koperasi Malaysia,  
No 103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

- 4.4 IKMa tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang - borang penyertaan sebutharga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui tangan.

### 5. KOS SEBUTHARGA

- 5.1 Penyebutharga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebutharga. IKMa tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

## 6. HARGA, CUKAI DAN TEMPOH SAH LAKU

- 6.1 Semua harga sebutharga mestilah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** bagi setiap item **termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** (sekiranya ada) dan berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga termasuk **kos tenaga pengajar, kos material, kos langganan platform digital, kos perjalanan, kos makan dan penginapan tenaga pengajar dan peserta koperasi.**
- 6.2 Penyebutharga perlu melampirkan **Salinan No Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** jika ada. Sekiranya penyebutharga yang berjaya tetapi **TIDAK MENYATAKAN** nilai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, pihak IKMa akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada tawaran harga oleh penyebutharga
- 6.3 Harga yang disebutkan dalam sebutharga hendaklah sah laku di dalam tempoh tidak kurang dari **90 hari** dari tarikh tutup sebutharga.
- 6.4 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuat kuasa selama tempoh sah laku sebut harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan tanpa persetujuan kedua-dua belah pihak.

## 7. PERJANJIAN KONTRAK & DENDA KELEWATAN

- 7.1 Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki mengikat kontrak dengan IKMa bagi Perolehan Pakej Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (TUNAS) 2026 (Pemasaran Digital Koperasi) Bagi 30 Koperasi Seluruh Malaysia. **Kos penyediaan perjanjian kontrak dan mati setem ditanggung oleh pihak penyebutharga.**

- 7.2 Sekiranya terdapat tempoh kelewatan Perolehan Pakej Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (TUNAS) 2026 (Pemasaran Digital Koperasi) Bagi 30 Koperasi Seluruh Malaysia yang lewat, penyebutharga hendaklah mengganti rugi dan mengimdemniti IKMa sebanyak **RM200 sehari (hari bekerja)** sehingga fasa kerja tersebut selesai dan diperakui oleh IKMa.
- 7.3 Jumlah ganti rugi yang dikira bagi kelewatan di atas akan ditolak (set off) daripada bayaran fasa tersebut.
- 7.4 Penyebutharga yang berjaya mesti menanggung sendiri risiko berkenaan kontrak mengikut syarat-syarat, spesifikasi dan jadual sebahagiannya mestilah menurut status, peraturan atau melalui undang-undang dan keperluan mana-mana kebenaran.

## **8. BON PELAKSANAAN (JIKA BERKAITAN)**

- 8.1 Sebelum sesuatu kontrak bekalan yang melebihi nilai RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 disempurnakan, penyebutharga atau penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki memberi bon pelaksanaan 2.5 % dari jumlah harga kontrak. Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 jumlah bon pelaksanaan ialah 5 % daripada jumlah harga kontrak.
- 8.2 Bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bon pelaksanaan hendaklah sah laku selepas tarikh tamat tempoh kontrak dan dan semua kerja dilaksanakan dengan sempurna.
- 8.3 Penyebutharga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan IKMa dikehendaki membayar tuntutan gantirugi sekiranya didapati pihak penyebutharga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak (*break of contract*) dan disabitkan kesalahan.

## **9. BIDANG KERJA / SKOP PENYEBUTHARGA**

- 9.1 Memberi Pakej Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (TUNAS) 2026 (Pengurusan Sistem Kewangan Koperasi) Bagi 30 Koperasi Seluruh Malaysia yang akan dipilih oleh IKMa.

9.2 Program ini terbahagi kepada **tiga (3)** fasa utama iaitu:

- i. Fasa 1 – Latihan Dan Bimbingan Pemasaran Digital Koperasi
- ii. Fasa 2 – Latihan Dan Bimbingan Laman Web Korporat Koperasi
- iii. Fasa 3 – Laporan Akhir Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (TUNAS)

9.3 Menyediakan latihan kepada 30 koperasi yang telah dipilih oleh IKMa mengikut skop projek yang telah **ditetapkan bagi tempoh 3 bulan** dan menyediakan jadual pelaksanaan atau perancangan yang lengkap bagi semua aktiviti yang berkaitan dan memastikan penjadualan dilaksanakan dengan berkesan.

## 10. JADUAL BAYARAN

10.1 Penyebutharga yang berjaya akan dibayar secara berperingkat setelah Fasa-Fasa kerja selesai. Pihak penyebutharga perlu mengemukakan laporan setelah fasa kerja tersebut selesai. Jadual bayaran seperti seperti dibawah :-

Fasa Bayaran	Jumlah Bayaran
Fasa 1: Latihan Dan Bimbingan Pemasaran Digital Koperasi	40% daripada harga kontrak
Fasa 2: Latihan Dan Bimbingan Laman Web Korporat Koperasi	50% daripada harga kontrak
Fasa 3: Laporan Akhir Latihan Dan Bimbingan Program Aspirasi Koperasi (TUNAS)	10% daripada harga kontrak

10.2 Pembayaran untuk setiap fasa tidak akan dikeluarkan sehingga fasa sebelumnya disempurnakan dan diluluskan oleh IKMa.

**11. JADUAL PELAKSANAAN (GANTT CHART)**

Penyebutharga dikehendaki **menyediakan** satu jadual pelaksanaan aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang **3 bulan mengikut fasa** yang dicadangkan kepada IKMa.

**12. PENERIMAAN SEBUTHARGA**

IKMa akan memberi Surat Setuju Terima kepada penyebutharga yang berjaya.

**13. TEMPOH KONTRAK**

IKMa berhak menentukan tarikh permulaan kontrak dan tarikh tamat kontrak.

**14. TARIKH TUTUP**

Tarikh tutup sebutharga adalah jam 12.00 tengahari pada **19 Jun 2026 (Jumaat)**. Sebutharga hendaklah dikemukakan kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

**(6)**

**DOKUMEN SEBUTHARGA  
BAHAGIAN B – SPESIFIKASI  
PEROLEHAN**



**BAHAGIAN B**  
**SPESIFIKASI PEROLEHAN**

---

**PEROLEHAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI  
KOPERASI (TUNAS) 2026 (PEMASARAN DIGITAL KOPERASI)  
BAGI 30 KOPERASI SELURUH MALAYSIA**

**SPESIFIKASI PEMILIHAN PEMBEKAL  
PROGRAM LATIHAN & BIMBINGAN TUNAS 2026**

- 1. NAMA PROGRAM : LATIHAN DAN BIMBINGAN PEMASARAN DIGITAL  
KOPERASI PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS)**
- 2. TEMPOH PROGRAM : OGOS 2026 – OKTOBER 2026**
- 3. BILANGAN KOPERASI : 30 BUAH KOPERASI (PROFIL UMUM DI LAMPIRAN)**
- 4. SPESIFIKASI : PENYEDIAAN PAKEJ LATIHAN DAN BIMBINGAN  
PEMASARAN DIGITAL KOPERASI**

**5. SKOP PERKHIDMATAN PEMBEKAL YANG DIPILIH**

Pembekal / Penyedia Perkhidmatan hendaklah menyediakan pakej lengkap Latihan dan Bimbingan Pemasaran Digital Koperasi Program TUNAS yang merangkumi perkara berikut:

- i) Memberi latihan dan bimbingan berkaitan pemasaran digital koperasi;
- ii) Memberi latihan dan bimbingan strategi pemasaran digital termasuk kandungan pemasaran, hubungan pelanggan dan platform pemasaran digital;
- iii) Memberi latihan dan bimbingan platform laman web pemasaran digital koperasi;
- iv) Menyediakan bahan latihan, modul pembelajaran dan laporan pelaksanaan program; dan
- v) Menyediakan khidmat tenaga pengajar / pakar industri / pembimbing.

**6. TUJUAN**

Memberi latihan dan bimbingan kepada koperasi baharu mengenai kepentingan pemasaran digital bagi meningkatkan keupayaan koperasi dalam aktiviti pemasaran, meluaskan capaian pasaran, dan memperkukuh daya saing koperasi dalam era ekonomi digital.

## SPESIFIKASI PEMBEKAL PAKEJ BIMBINGAN PEMASARAN DIGITAL –

### 7. PERINCIAN MODUL MENGIKUT FASA

	BUTIRAN PERINCIAN MODUL	BIL. KOPERASI	JUMLAH (RM)
<b>FASA 1: LATIHAN DAN BIMBINGAN PEMASARAN DIGITAL KOPERASI</b>			
	<p><b>MODUL 1: Pengenalan Kepada Pemasaran Digital</b>  <b>MODUL 2: Teknik Menghasilkan Kandungan Pemasaran dengan Aplikasi Digital (AI)</b>  <b>MODUL 3: Teknik Meningkatkan Hubungan Pelanggan dan Teknik SEO (Search Engine Optimization)</b>  <b>MODUL 4: Pengenalan kepada Platform Pemasaran digital Menggunakan Pemasaran Media Sosial (Facebook, Instagram, Tiktok) dan Laman Web Korporat Koperasi</b></p> <p><b>KOS PAKEJ PERKHIDMATAN TERMASUK:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembekal perlu menyediakan tenaga pengajar, modul dan bahan latihan lengkap (course content) bagi setiap modul.</li> <li>ii) Pembekal bertanggungjawab bagi penentuan tempat/lokasi dan kos logistik (penyediaan tempat, kos makanan dan minuman peserta), dan kos penginapan (jika berkaitan)</li> </ul>	<b>30 KOPERASI</b>	
	<p><b>LAPORAN FASA 1</b></p> <p>Pembekal bertanggungjawab menyediakan laporan penuh bagi Fasa 1 bagi keseluruhan 30 koperasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Senarai kehadiran peserta</li> <li>ii) Kandungan Kreatif Pemasaran Digital</li> <li>iii) Laporan penilaian pemahaman peserta (pre &amp; post) dan keberkesanan program.</li> </ul>	<b>30 KOPERASI</b>	
<b>FASA 2: LATIHAN DAN BIMBINGAN LAMAN WEB KORPORAT KOPERASI</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Asas Kandungan Laman Web Korporat Koperasi                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyediaan dokumentasi koperasi (<i>Google Drive</i>)</li> <li>b. Pengurusan kandungan korporat koperasi</li> <li>c. Kandungan pemasaran dengan integrasi A.I, bersifat <i>Friendly Design</i></li> <li>d. Sistem Hubungi Pelanggan &amp; <i>SEO Setup</i></li> </ul> </li> </ul>		

## SPESIFIKASI PEMBEKAL PAKEJ BIMBINGAN PEMASARAN DIGITAL –

	<p>ii) Latihan dan Bimbingan: Laman Web Korporat Koperasi</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Menggunakan domain <a href="http://coop.my">coop.my</a></li> <li>b. Tempoh Hosting</li> <li>c. Penetapan Menu             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Halaman Utama</li> <li>- Mengenai Kami (Pengenalan, Carta Organisasi, Profil ALK dan maklumat asas koperasi)</li> <li>- Halaman Strategik (Visi, Misi, Ojektif dan Aktiviti Utama Koperasi)</li> <li>- Perniagaan / Perkhidmatan / Produk Koperasi</li> <li>- Galeri Gambar dan Aktiviti Koperasi</li> <li>- Hubungi Kami</li> </ul> </li> <li>d. Tempoh Sokongan Teknikal dan Penyelenggaraan</li> <li>e. Keselamatan Laman Web</li> </ol> <p><b>Nota:</b> Langganan platform digital adalah selama 3 tahun. Pautan laman Web ke Platform Digital Pengurusan Koperasi.</p> <p><b>KOS PAKEJ PERKHIDMATAN TERMASUK:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Pembekal perlu menyediakan tenaga pengajar, modul dan bahan latihan lengkap (course content) bagi setiap modul.</li> <li>ii) Pembekal bertanggungjawab bagi penentuan tempat/lokasi dan kos logistik (penyediaan tempat, kos makanan dan minuman peserta), dan kos penginapan (jika berkaitan).</li> </ol>	<p><b>30</b> <b>KOPERASI</b></p>	
	<p><b>PENYEDIAAN LAPORAN FASA 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Laman Web Korporat Koperasi yang telah aktif</li> <li>ii) Pautan Laman Web Koporat bagi setiap Koperasi</li> </ol>	<p><b>30</b> <b>KOPERASI</b></p>	

## SPESIFIKASI PEMBEKAL PAKEJ BIMBINGAN PEMASARAN DIGITAL –

<b>FASA 3: LAPORAN AKHIR LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS)</b>			
	<b>PENYEDIAAN LAPORAN AKHIR KESELURUHAN PROGRAM</b>  i) Laporan Penuh Keseluruhan Program Bagi Setiap Fasa ii) Papan Pemuka Laman Web Korporat Bagi Setiap Koperasi iii) Laporan Kandungan Kreatif Pemasaran Digital Bagi Setiap Koperasi iv) Penilaian Pelaksanaan Latihan dan Bimbingan Pemasaran Digital Koperasi Program Aspirasi Koperasi (TUNAS): - Sebelum program (Pre) - Selepas program (Post) v) Cadangan penambahbaikan program	<b>30 KOPERASI</b>	

### 8. RINGKASAN / RUMUSAN DAN FASA PEMBAYARAN PEMBEKAL

No.	Butiran	Bil Koperasi	Kadar Bayaran (daripada harga kontrak)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	<b>FASA 1: LATIHAN DAN BIMBINGAN PEMASARAN DIGITAL KOPERASI</b>	30	40%		
2	<b>FASA 2: LATIHAN DAN BIMBINGAN LAMAN WEB KORPORAT KOPERASI</b>	30	50%		
3	<b>FASA 3: LAPORAN AKHIR LATIHAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS)</b>	30	10%		
	<b>Gantt Cart (Carta Perbatuan)</b> <i>Pembekal perlu melampirkan jadual pelaksanaan mengikut setiap Fasa</i>				
	<b>JUMLAH (RM)</b>				
	<b>CUKAI PERKHIDMATAN (SST 8%)</b>				
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

**PROFIL UMUM KOPERASI PROGRAM ASPIRASI KOPERASI (TUNAS) 2026**

Program Aspirasi Koperasi (TUNAS) disasarkan kepada koperasi baharu yang didaftarkan pada tahun 2022 hingga 2025. Aktiviti perniagaan koperasi di pelbagai sektor seperti perkhidmatan, pertanian, peruncitan, pelancongan, industri makanan, penghasilan dan pengeluaran produk PMKS, agro pelancongan, serta pemasaran produk. Bilangan anggota koperasi antara 20 hingga 150 orang.

**1.0 PROFIL KOPERASI TUNAS KESELURUHAN**

Perkara	Butiran
Jumlah Koperasi	30
Tahun Penubuhan	2022 – 2025
Jumlah Keseluruhan Anggota Koperasi	±1,547 orang
Julat Majoriti Anggota	30 – 80 orang / koperasi
Anggota Tertinggi	150
Anggota Terendah	20
Sektor Utama	Perkhidmatan
Aktiviti Utama	Perkhidmatan dan Pengguna
Status Koperasi	Koperasi Baharu dan Aktif

**2.0 PROFIL KOPERASI TUNAS KESELURUHAN**

Perkara	Butiran
Perkhidmatan	Katering, Studio Podcast, Pengurusan <i>Event</i> / Majlis, Perniagaan <i>Vending Machine</i>
Pertanian & Penternakan	Tanaman, Agro Pelancongan
Pengguna / Peruncitan	Kedai Serbaneka / Pasar Mini, Pemasaran Produk
Pelancongan	Homestay, Eko-Pelancongan
Perusahaan Industri Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS)	Produk Makanan, Hasil & Jualan Produk Tempatan anggota

**3.0 TABURAN KOPERASI TUNAS MENGIKUT NEGERI**

Negeri	Bilangan Koperasi
Sabah	7
Johor	5
Kelantan	3
Selangor	5
Pahang	2
Perak	1
Perlis	1
Terengganu	2
Pulau Pinang	2
Kuala Lumpur	1
Negeri Sembilan	1
<b>Jumlah Koperasi</b>	<b>30</b>

**4.0 KATEGORI KOPERASI TUNAS MENGIKUT SEKTOR**

Sektor	Anggaran Bilangan
Perkhidmatan & Pengguna	14
Pertanian & Penternakan	9
Peruncitan / Perdagangan	4
Pelancongan	3

**Nota:** Maklumat dan profil koperasi adalah sebagai rujukan asas dan tertakluk kepada perubahan.